







[General](#)

CSR Antarabangsa STEM UMPSA cetus minat pelajar teroka inovasi

3 July 2026

KUANTAN, 30 Jun 2026 – Universiti Malaysia Pahang AI-Sultan Abdullah (UMPSA) terus mengorak langkah memperkasakan pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)

menerusi penganjuran Program *International Corporate Social Responsibility (CSR) in STEM*, sekaligus memperkukuh jaringan kerjasama strategik antara institusi pengajian tinggi (IPT), industri dan rakan antarabangsa dalam melahirkan generasi muda yang berdaya saing serta berfikiran inovatif.

Program yang berlangsung di Sekolah Menengah (A) Al-Maarif, Felda Bukit Goh itu dianjurkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (*Occupational Safety and Health*), Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI), UMPSA dengan kerjasama Universitas Telkom, Indonesia serta PK Agro-Industrial Products (M) Sdn. Bhd.

Inisiatif berimpak tinggi itu bertujuan memupuk minat pelajar terhadap bidang STEM, di samping meningkatkan kesedaran mengenai pembangunan lestari, keselamatan pekerjaan dan inovasi teknologi yang semakin menjadi pemacu pembangunan negara.

Sepanjang program, pelajar didedahkan dengan pelbagai perkongsian ilmu oleh pakar daripada UMPSA, Universitas Telkom dan PK *Agro-Industrial Products (M) Sdn. Bhd.* yang merangkumi pengenalan program prasiswazah FSTI UMPSA, inovasi keselamatan pintar dalam mewujudkan tempat kerja yang lebih selamat melalui STEM, pembangunan sistem fotovolta bumbung kediaman di Indonesia serta teknologi *waste-to-energy* yang kini menjadi antara fokus utama dalam agenda tenaga lestari.



INTERNATIONAL CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) IN STEM PROGRAMME

Connecting Industry, University & Community for a Sustainable Future



30 JUNE 2026 (TUESDAY)



2.30 P.M. - 5.00 P.M.



SMA AL-MAARIF, KUANTAN

Organized by

Faculty of Industrial Sciences and Technology (FIST) Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

KEY TOPICS



Introduction to FIST UMPSA Undergraduate Programmes



Smart Safety Innovation - Building a Safe Workplace Through STEM



Residential Rooftop Photovoltaic



Waste-To-Energy Technologies & Current Projects

TENTATIVE PROGRAMME

2.30 - 2.45 pm

Registration of school members and involved experts



2.45 - 3.00 pm

Welcoming Remarks by School Representative



3.00 - 3.15 pm

Speaker 1
Ts. Dr. Hanida Abdul Aziz
Deputy Dean Academic FIST, UMPSA
Topic: Introduction to FIST UMPSA Undergraduate Programmes



3.15 - 3.30 pm

Speaker 2
Mr Nazaruddin bin Mamat
PK Agro-Industrial Products (M) Sdn. Bhd.
Topic: Smart Safety Innovation - Building a Safe Workplace Through STEM



3.30 - 4.15 pm

Speaker 3
Dr Kharisma Bani Adam
Universitas Telkom
Topic: Residential Rooftop Photovoltaic



4.15 - 4.45 pm

Speaker 4
Dr Farah Ramadhani
Universitas Telkom
Topic: Waste-To-Energy Technologies & Current Projects



4.45 - 5.00 pm

Q&A / Group Photo



5.00 pm

End of Programme



OUR SPEAKERS

Various STEM activities are also available at the booths

1



Ts Dr Hanida Abdul Aziz
Deputy Dean Academic
FIST, UMPSA

2



Mr Nazaruddin bin Mamat
PK Agro-Industrial
Products (M) Sdn. Bhd.

3



Dr Kharisma Bani Adam
Universitas Telkom

4



Dr Farah Ramadhani
Universitas Telkom



SUSTAINABLE IMPACT



COMMUNITY EMPOWERMENT



INNOVATION FOR A BETTER TOMORROW

“ Building a sustainable future through collaboration and innovation. ”

Program turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti interaktif berasaskan STEM yang memberi peluang kepada pelajar merasai sendiri pengalaman pembelajaran *secara hands-on* melalui

eksperimen, demonstrasi teknologi dan pameran inovasi.

Aktiviti yang dikendalikan oleh pensyarah, staf teknikal Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UMPA, fasilitator Universitas Telkom serta wakil industri itu membolehkan peserta memahami aplikasi sebenar teknologi dalam bidang tenaga boleh diperbaharui, keselamatan pekerjaan, sains kimia, kejuruteraan dan pemeliharaan alam sekitar.

Pendekatan pembelajaran secara praktikal itu bukan sahaja menjadikan STEM lebih dekat dengan kehidupan seharian pelajar, malah turut merangsang pemikiran kreatif, kemahiran menyelesaikan masalah serta minat untuk meneroka bidang kerjaya berasaskan teknologi pada masa hadapan.

Sebagai sebahagian daripada komitmen tanggungjawab sosial korporat (CSR), PK *Agro-Industrial Products* (M) Sdn. Bhd. turut menyumbangkan 200 pek telur CP kepada komuniti sekolah sebagai usaha membantu kebajikan warga sekolah dan memperkukuh hubungan antara industri dengan masyarakat setempat.

Sumbangan tersebut disampaikan kepada pihak pengurusan sekolah sebelum diagihkan kepada para peserta program sebagai simbol keprihatinan industri terhadap kesejahteraan komuniti.

Program CSR antarabangsa itu membuktikan bahawa kerjasama rentas sempadan antara universiti, industri dan institusi pendidikan mampu melahirkan generasi muda yang lebih celik STEM, berfikiran inovatif serta bersedia mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0 dan pembangunan mampan.

Disediakan Oleh: Dr. Wan Norlinda Roshana Mohd Naw, Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI)

• 51 views

[View PDF](#)